

MEMO PUSAT DIGITAL BIL.04/2024

KEPADA : SEMUA STAF/PELAJAR UNISEL

**DARIPADA : PENGARAH
PUSAT DIGITAL**

TARIKH : 06 OGOS 2024

NO.RUJUKAN : UNISEL/DIGITAL/2024/300 (04) SA

PERKARA : PENGGUNAAN E-MEL RASMI PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR.

Assalamua'laikum Wrt. Wbt. & Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Universiti Selangor telah menyediakan kemudahan e-mel rasmi kepada pelajar melalui platform Google Workspace. Terdapat juga aplikasi lain yang boleh di akses melalui platform Google Workspace seperti Kalendar, *Meet*, Dokumen (Docs), Helaian (Sheets), Slaid (Slides), Borang (Forms), Tugas (Assignments), *Classroom* dan *Drive*. Kemudahan platform Google Workspace tersebut aktif dan boleh digunakan bermula Ogos 2024.

3. Sehubungan itu domain rasmi e-mel pelajar ditukar daripada istudent.unisel.edu.my kepada student.unisel.edu.my bagi kelangsungan kemudahan e-mel rasmi pelajar. Penggunaan e-mel istudent.unisel.edu.my masih boleh digunakan sehingga tempoh ianya akan ditamatkan pada 31 Disember 2024.

4. E-mel rasmi pelajar boleh di akses melalui <http://email.student.unisel.edu.my/>. Bagi tujuan akses e-mel rasmi pelajar berikut adalah maklumat yang diperlukan:

e-mel: <nombor Matrik>@student.unisel.edu.my
password: nombor K/P pelajar

5. Pelajar dinasihatkan untuk menukar kata laluan/*password* setelah *login* yang pertama. Kerjasama dan perhatian berhubung makluman ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

"PENERAJU TRANSFORMASI"

Yang benar



MOHD FARIZ BIN M. JAAFAR
Pengarah
Pusat Digital